

POLISI KONFLIK KEPENTINGAN

1.0 PENGENALAN

- 1.1 Konflik kepentingan melibatkan konflik antara tanggungjawab awam dan kepentingan peribadi seseorang anggota PKNS di mana anggota tersebut mempunyai kepentingan peribadi yang berkemungkinan mengganggu objektiviti anggota ketika menjalankan tugas dan tanggungjawab atau ketika membuat pertimbangan bagi pihak PKNS.
- 1.2 Konflik kepentingan lazimnya dinilai dari sudut etika iaitu sama ada apa yang dilakukan oleh anggota itu betul atau salah secara moral. Sesetengah pihak melihat apa yang dilakukan adalah sebagai satu keperluan, iaitu keperluan untuk menjamin kelangsungan hidup.
- 1.3 Pada asasnya, dengan wujudnya konflik kepentingan, anggota PKNS mungkin berada di dalam situasi di mana mereka tidak dapat berfikir secara objektif dan rasional, sekaligus gagal membuat keputusan secara adil dan saksama kerana dikaburi prospek keuntungan peribadi. Justeru, ramai yang tidak dapat membezakan antara hal peribadi dan tugasan kerja.
- 1.4 Perkara-perkara yang termasuk dalam kepentingan peribadi ialah kepentingan yang melibatkan anak, suami/isteri dan sebagainya yang diistilahkan sebagai **SAUDARA** seperti tafsiran di bawah **SEKSYEN 3 AKTA SPRM 2009** seperti berikut:

‘saudara’ berhubungan dengan seseorang, ertiaya;

 - (a) *Isteri atau suami orang itu;*
 - (b) *Adik atau abang kakak orang itu;*
 - (c) *Adik atau abang atau kakak isteri suami orang itu;*
 - (d) *Orang yang mempunyai pertalian langsung ke atas atau ke bawah dengan orang itu;*
 - (e) *Orang yang mempunyai pertalian langsung ke atas atau ke bawah dengan isteri atau suami orang itu;*
 - (f) *Orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke bawah dengan orang yang disebut dalam perenggan (b);*
 - (g) *Bapa saudara, emak saudara atau sepupu orang itu; atau*
 - (h) *Menantu orang itu;*

1.5 Tugasan kerja yang melibatkan ahli keluarga atau anggota yang mempunyai hubungan peribadi yang rapat boleh menimbulkan konflik kepentingan sebenar serta boleh mewujudkan suasana kerja yang negatif atau tidak professional seperti yang terkandung di bawah **SEKSYEN 23 AKTA SPRM 2009** seperti berikut:

Seksyen 23 (1) Mana-mana pegawai badan awam yang menggunakan jawatan kedudukannya untuk apa-apa suapan sama ada bagi dirinya sendiri, saudaranya atau sekutunya, melakukan kesalahan;

Seksyen 23 (2) Bagi maksud subsekyen (1), seseorang pegawai badan awam hendaklah dianggap, sehingga akasnya dibuktikan, telah menggunakan jawatan atau kedudukannya untuk apa-apa suapan, sama ada bagi dirinya, saudaranya atau sekutunya, apabila dia membuat apa-apa keputusan, atau mengambil apa-apa tindakan , berhubungan dengan apa-apa perkara yang mengenainya pegawai tu, atau mana-mana saudara atau sekutunya, mempunyai kepentingan, sama ada secara langsung atau tidak langsung

1.6 Oleh yang demikian, adalah sangat penting untuk mengambil kira kewujudan konflik kepentingan kerana tanggapan bahawa akan berlakunya konflik boleh merosakkan reputasi PKNS sebagai Badan Berkanun dan agensi pembangunan harta tanah Negeri Selangor.

1.7 Bagi mengelakkan perkara ini daripada berlaku, PKNS perlu mempunyai polisi yang jelas berhubung konflik kepentingan agar pelaksanaan tugas harian anggota dijalankan dengan telus. Selain daripada itu, anggota PKNS harus mengelakkan diri daripada terlibat di dalam sebarang situasi konflik seperti ini.

2.0 SKOP

2.1 Polisi Konflik Kepentingan ini terpakai kepada semua anggota PKNS, termasuk tetapi tidak terhad kepada Ahli Pengurusan PKNS termasuk Pegawai dan anggota PKNS di sepanjang tempoh perkhidmatannya dengan PKNS.

3.0 POLISI KONFLIK KEPENTINGAN

3.1 Untuk memastikan kepentingan PKNS terjamin, anggota PKNS **diwajibkan** untuk mengisyiharkan kepentingan kewangan, peribadi, kumpulan, parti politik dan persatuan dalam apa jua perkara yang boleh mewujudkan konflik kepentingan dalam tugas rasminya di PKNS. Polisi Konflik Kepentingan adalah bagi perkara-perkara seperti berikut:

3.1.1 Berurusan dengan Syarikat Pembekal, Vendor, Ejen dan Pesaing

Mana-mana Ahli Pengurusan atau Anggota PKNS atau ahli keluarga mereka tidak boleh mempunyai:

- i. Sebarang kepentingan kewangan dalam syarikat pembekal, vendor, ejen atau pesaing, kecuali dalam syarikat awam tersenarai. Kepentingan berjumlah kurang daripada 5% dalam ekuiti syarikat boleh diabaikan; dan
- ii. Sebarang urusan perniagaan atau kontrak dengan PKNS atau mana-mana Anak Syarikat. Ini tidak termasuk pembelian untuk kegunaan peribadi oleh Ahli Pengurusan atau anggota PKNS atau pembelian dengan harga sama yang ditawarkan kepada orang awam.

Untuk pembayaran oleh PKNS atau Anak Syarikat kepada ejen jualan yang dilantik secara rasmi, pembeli perlu mengetahui amalan komersial biasa berkenaan komisen yang boleh dibayar kepada ejen dan kelulusan daripada pembeli tidak diperlukan. Walau bagaimanapun, anggota PKNS adalah dilarang daripada menerima komisen daripada rakan sejawat, rakan perniagaan dan syarikat pesaing.

3.1.2 Urusan Peribadi dengan Syarikat-Syarikat Pembekal dan Pelanggan

Setiap anggota PKNS perlu memastikan urusan perniagaan peribadi mereka dengan syarikat pembekal adalah sama seperti yang ditawarkan kepada orang awam sebagai contohnya pembelian pada harga yang sama ditawarkan kepada orang awam.

3.1.3 Pekerjaan Luar dan Aktiviti di Luar PKNS & Anak Syarikat

Sebagai pekerja sepenuh masa, anggota PKNS adalah dilarang melakukan kerja-kerja luar atau terlibat dalam sebarang perniagaan/perkhidmatan di luar yang berkemungkinan bersaing dengan PKNS & Anak Syarikat atau yang akan berpotensi menyebabkan berlakunya konflik kepentingan dengan tugas anggota di PKNS.

PKNS menghendaki semua anggota memberikan komitmen dalam memenuhi tanggungjawab mereka di PKNS. Pekerjaan kedua dan tanggungjawab lain boleh mengganggu komitmen anggota kepada PKNS.

Selain daripada itu, berkhidmat dalam apa jua jawatan didalam syarikat yang bersaing dengan PKNS & Anak Syarikat dengan apa-apa cara sekalipun, atau menjalankan usaha peribadi yang bersaing dengan PKNS & Anak Syarikat dengan apa-apa cara sekalipun menimbulkan konflik kepentingan yang sebenar adalah dilarang. Oleh yang demikian, anggota perlulah mendapatkan kelulusan Bahagian Sumber Manusia sebelum memulakan pekerjaan kedua atau usaha niaga atau projek peribadi.

3.1.4 Keahlian Lembaga Pengarah

Anggota PKNS & Anak Syarikat hanya dibenarkan untuk berkhidmat sebagai Ahli Lembaga Pengarah bagi agensi/badan kerajaan dan/ atau syarikat di dalam atau luar Kumpulan PKNS dengan kelulusan bertulis daripada Ketua Pegawai Eksekutif PKNS.

Walau bagaimanapun, pengecualian akan diberikan kepada pelantikan Ahli Lembaga Pengarah yang berkaitan dengan perniagaan keluarga atau organisasi bukan untuk keuntungan (contohnya kelab dan persatuan sosial atau yang berkaitan dengan komuniti).

3.1.5 Aktiviti Pelaburan

Pelaburan peribadi yang dibuat oleh seseorang anggota tidak seharusnya mempengaruhi pertimbangan atau keputusan yang dibuatnya bagi pihak PKNS dan Anak Syarikat. Anggota PKNS juga perlu mengelak membuat pelaburan di dalam syarikat pesaing jika perbuatan itu boleh mempengaruhi keputusan perniagaan anggota bagi pihak PKNS & Anak Syarikat.

3.1.6 Ahli Keluarga dan Hubungan Peribadi yang rapat

Seseorang Ahli Pengurusan atau anggota PKNS tidak boleh mengambil pekerja, mencadangkan pengambilan pekerja, mendesak atau mempengaruhi keputusan pengambilan pekerja, menyelia, menguatkuasakan terma dan syarat pekerjaan atau mempengaruhi keputusan pihak pengurusan bagi mana-mana ahli keluarga mereka.

Ahli keluarga kepada Ahli Pengurusan atau anggota tersebut hanya boleh diambil bekerja sebagai pekerja atau perunding dalam PKNS & Anak Syarikat ini sekiranya pelantikan itu adalah berdasarkan pada kelayakan, prestasi, kemahiran, pengalaman dan mengikut polisi dan prosedur yang telah ditetapkan oleh PKNS. Manakala anggota berkenaan tidak terlibat dalam proses pemilihan atau lantikan mereka

Selain daripada itu, setiap Ahli Pengurusan atau anggota PKNS dilarang untuk mengambil bahagian dalam apa-apa keputusan perniagaan PKNS yang melibatkan syarikat yang menggaji atau dimiliki oleh ahli keluarga anggota tersebut. Oleh yang demikian, setiap Ahli Pengurusan atau anggota PKNS juga perlu mengisyiharkan aktiviti perniagaan PKNS & Anak Syarikat yang melibatkan ahli keluarga mereka.

Sebarang kepentingan yang dimiliki oleh ahli keluarga kepada Ahli Pengurusan atau anggota PKNS di dalam syarikat pesaing atau syarikat berkaitan yang lain juga perlu diisyiharkan bagi memastikan setiap keputusan mesyuarat yang diputuskan adalah telus.

3.1.7 **Hubungan Peribadi yang rapat**

Hubungan peribadi dikalangan Ahli Pengurusan atau anggota PKNS menyebabkan salah seorang anggota yang menerima atau memberi kelebihan yang tidak adil, atau layanan istimewa. Tindakan atau perhubungan ini berkemungkinan menimbulkan konflik dengan tugas, tanggungjawab atau kepentingan anggota di PKNS. Hubungan peribadi dikalangan anggota PKNS boleh mewujudkan konflik bagi perkara-perkara berikut:

- i. Terdapat pelaporan secara langsung dan tidak langsung antara anggota PKNS yang mempunyai hubungan peribadi; dan
- ii. Tidak terdapat hubungan pelaporan langsung diantara anggota PKNS tetapi hubungan peribadi ini boleh menyebabkan anggota lain hilang keyakinan terhadap keputusan atau pertimbangan sama ada anggota berkenaan atau syarikat.

Sekiranya terdapat hubungan peribadi ini di bahagian berkaitan, anggota terlibat perlu sedar bahawa satu atau kedua-dua boleh dipindahkan atau dipinjamkan kepada bahagian lain di PKNS dan / atau tindakan lain yang boleh diambil (termasuk tetapi tidak terhad kepada perubahan skop kerja dan / atau tanggungjawab) mengikut budi bicara Bahagian Sumber Manusia.

3.1.8 **Pengisytiharan Ahli Jawatankuasa Mesyuarat PKNS di Peringkat Perbadanan**

Borang Pengisytiharan Kepentingan akan diedarkan kepada semua Ahli Jawatankuasa Mesyuarat di peringkat Perbadanan, diisi dengan lengkap oleh semua Ahli Jawatankuasa dan diuruskan oleh urusetia mesyuarat masing-masing sebelum mesyuarat bermula.

Pengerusi akan menyemak borang tersebut dan sekiranya terdapat konflik kepentingan, Pengerusi akan memaklumkan Ahli-Ahli Jawatankuasa lain sebelum mesyuarat dimulakan. Antara tindakan yang akan diambil oleh Pengerusi ke atas Ahli Mesyuarat terbabit adalah seperti berikut:

- i. Menahan diri daripada mengambil bahagian dalam mesyuarat tersebut;
- ii. Berkecuali daripada mengundi;
- iii. Menarik diri daripada perbincangan di dalam mesyuarat; atau
- iv. Tindakan-tindakan lain.

Segala tindakan ini mestilah dicatatkan di dalam minit mesyuarat jawatankuasa tersebut oleh Setiausaha mesyuarat terbabit. Mesyuarat di peringkat Perbadanan yang terlibat adalah seperti berikut:

- i. Mesyuarat Ahli Perbadanan PKNS;
- ii. Mesyuarat Jawatankuasa Tender;
- iii. Mesyuarat Jawatankuasa Audit;
- iv. Mesyuarat Jawatankuasa Perjawatan & Tatatertib;
- v. Mesyuarat Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus & Integriti (JKTI) Perbadanan; dan
- vi. Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan.

4.0 PENGISYTIHARAN KONFLIK KEPENTINGAN

4.1 Anggota PKNS

- 4.1.1 Semua anggota PKNS diwajibkan untuk mengisyiharkan kepentingan kewangan, peribadi, kumpulan, parti politik dan persatuan dalam apa jua perkara yang boleh mewujudkan konflik kepentingan dalam tugas rasminya di PKNS dengan mengisi borang Pengisyiharan Kepentingan menerusi Ketua Bahagian masing-masing.
- 4.1.2 Anggota baru akan diberikan borang Pengisyiharan Kepentingan menerusi Bahagian Sumber Manusia semasa melaporkan diri di PKNS dan dikehendaki mengembalikan borang tersebut dalam masa satu (1) minggu selepas tarikh lapor diri.

Semua anggota berkenaan bertanggungjawab untuk mengembalikan borang-borang yang telah dilengkapkan itu kepada Pengurus Integriti.

4.2 Anggota Perbadanan & Ahli Jawatankuasa Perbadanan

4.2.1 Bagi setiap mesyuarat di peringkat Perbadanan, Pengurus hendaklah memastikan semua Ahli Jawatankuasa melengkapkan borang Pengisyiharan Kepentingan. Urusetia mesyuarat terbabit hendaklah menyerahkan borang pengisyiharan tersebut kepada Pengurus Integriti selepas mesyuarat jawatankuasa tersebut.

5.0 MEREKOD DATA

5.1 Setelah menerima borang Pengisyiharan Kepentingan, Pengurus Integriti bertanggungjawab menyimpan borang-borang tersebut ke dalam format elektronik atau salinan kertas.

5.2 Semua salinan kertas disimpan dengan selamat di dalam kabinet/almari berkunci dalam pejabat peribadi Pengurus Integriti. Akses kepada maklumat adalah terhad hanya kepada kakitangan tertentu sahaja seperti Pengurus Integriti dan anggota Bahagian Pengurusan Organisasi.

6.0 HUKUMAN BAGI KETIDAKPATUHAN

6.1 Sekiranya anggota gagal mengemukakan borang pengisyiharan dalam tempoh yang telah ditetapkan oleh PKNS atau terbukti telah memberikan maklumat palsu, dengan sengaja atau tidak sengaja, anggota berkenaan akan dikenakan hukuman sebagaimana yang ditentukan dengan khusus di bawah **Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993**.

6.2 Hukuman yang disenaraikan di bawah **Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993** adalah:

- i. Amaran bertulis;
- ii. Denda;
- iii. Lucut hak emolumen;
- iv. Tangguh kenaikan gaji;
- v. Turun gaji;
- vi. Turun pangkat; dan
- vii. Buang kerja.